

Ruj. kami : UMP.05/26.10/03/02 ()
Tarikh : 15 Ogos 2019

KEPADA PIHAK YANG BERKENAAN

YH Dato' / YBhg Prof. / Prof. Madya / Dr. / Tuan / Puan,

PEMAKLUMAN PENGIKTIRAFAN JABATAN PENYELIDIKAN & INOVASI, UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG SEBAGAI INSTITUSI PENYELIDIKAN YANG DILULUSKAN DI BAWAH SEKSYEN 34B AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Dengan hormatnya perkara di atas dan surat dari Kementerian Kewangan Malaysia bernombor rujukan CR(8.09) 294/6/4-17 (SJ.2) Jld 5(7) adalah dirujuk.

2. Jabatan Penyelidikan & Inovasi telah membuat permohonan kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk diiktiraf sebagai institusi penyelidikan yang diluluskan dibawah Seksyen 34B Akta Cukai Pendapatan 1967. Permohonan telah dipersetujui oleh YB Menteri Kewangan dan kini Jabatan Penyelidikan & Inovasi telahpun mendapat pengiktirafan tersebut.

3. Dengan pengiktirafan ini, maka syarikat yang menyumbang wang tunai untuk aktiviti penyelidikan atau menggunakan perkhidmatan di Jabatan Penyelidikan & Inovasi adalah layak mendapat potongan dua kali.

4. Bagi maksud pemberian galakan potongan dua kali ini, aktiviti penyelidikan yang dijalankan bagi maksud tuntutan galakan cukai pendapatan mestilah mematuhi definisi penyelidikan yang diperuntukan dalam Akta Penggalakan Pelaburan 1986 seperti berikut:

“penyelidikan dan kemajuan” ertinya apa-apa kajian sistematik, siasatan dan eksperimen yang melibatkan risiko novelty atau teknikal yang dijalankan dalam bidang sains atau teknologi dengan tujuan untuk mendapatkan pengetahuan baharu atau menggunakan hasil kajian untuk pengeluaran atau perbaiki bahan, alat, keluaran, hasil atau proses, tetapi tidak termasuk:

- (i) kawalan mutu atau pengujian rutin bahan, alat atau keluaran
- (ii) penyelidikan sains sosial atau ilmu kemanusiaan
- (iii) pemungutan data rutin
- (iv) kaji selidik kecekapan atau kajian pengurusan
- (v) penyelidikan pasaran atau penggalakkan penjualan
- (vi) pengubahsuaian atau pengubahan rutin bagi bahan, alat, keluaran, hasil atau kaedah pengeluaran
- (vii) pengubahsuaian kosmetik atau pengubahsuaian stilistik bagi bahan, alat, keluaran, proses atau kaedah pengeluaran

..1/2

UMP.05/26.10/03/02 ()

5. Bersama-sama ini disertakan dokumen-dokumen berikut untuk rujukan pihak YH Dato' / YBhg Prof. / Prof. Madya / Dr. / Tuan / Puan.

- (i) Salinan Sijil Pengiktirafan
- (ii) Garis Panduan Berkaitan Potongan Dua Kali LHDN.01/35/(S)/4 2/51/286-11

6. Semoga pengiktirafan ini dapat menjadi pemangkin dan galakan kepada syarikat/industri untuk memberikan sumbangan atau tajaan geran bagi libatsama aktiviti penyelidikan bersama UMP. Ini secara langsung dapat membentuk satu jaringan ekosistem perhubungan erat antara UMP dengan syarikat/industri dalam mengembangkan peranan universiti terhadap kemajuan sosio ekonomi negara. Kerjasama dan perhatian pihak YH Dato' / YBhg Prof. / Prof. Madya / Dr. / Tuan / Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
”Memasyarakatkan Teknologi”

Saya yang menjalankan amanah,



(PROFESOR Ts. DR. KAMAL ZUHAIRI BIN ZAMLI)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Universiti Malaysia Pahang